



KERATAN AKHBAR

30 November 2015

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Paras air 7 empangan Selangor konsisten
Muka Surat	:	11

# Paras air 7 empangan Selangor konsisten

**Shah Alam:** Paras air di tujuh empangan, termasuk satu kolam takungan di Selangor tidak menunjukkan kadar membimbangkan dan konsisten meskipun negara kini mengalami cuaca panas.

Menurut statistik laman web rasmi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), setakat jam 8 pagi, semalam, empangan Langat mencatatkan kadar 70.61 peratus (24.07 juta liter padu), manakala Sungai Selangor 89.12 peratus atau bersamaan 204.97 juta liter padu.

Empangan Batu pula merekodkan bacaan 85.56 peratus (27.35 juta liter padu),

Klang Gates 83.97 peratus (21.27 juta liter padu), Sempenyih 87.68 peratus (51.79 juta liter padu).

Sungai Tinggi menunjukkan bacaan paras air 89.27 peratus atau 102.21 juta liter padu dan Tasik Subang 98.03 peratus (4.12 juta liter padu).

Sementara itu, Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) pula memberi bacaan 57.66 peratus atau bersamaan 4.81 juta liter padu.

Semua empangan di seluruh negeri ini menyalurkan bekalan air kepada pengguna di Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Putrajaya.